

Malay | Bahasa Melayu

Western Australia (WA) menganggap kerja sukarela oleh **ibu bapa** untuk menyokong anak-anak mereka tidak patut dikawal selia oleh undang-undang. Ramai ibu bapa mengorbankan masa sebagai **sukarelawan** bersama anak-anak mereka di kelab sukan, sekolah, tempat ibadah dan badan-badan lain. Sumbangan mereka berharga dan patut digalakkan supaya badan-badan masyarakat dapat bergerak, dan supaya kanak-kanak dan keluarga mendapat faedahnya. Untuk melindungi kanak-kanak dalam keadaan begini, ada pelbagai strategi lain bagi keselamatan kanak-kanak yang lebih praktikal dan berkesan.

Siapakah yang tidak layak mendapat exemption sukarelawan ibu bapa?

Sesiapa yang mendapat **Interim Negative Notice** (Notis Negatif Sementara) atau **Negative Notice** (Notis Negatif) yang masih berkuat kuasa dilarang menggunakan [exemption sukarelawan ibu bapa](#). Untuk penerangan lanjut sila baca [Factsheet CRW04 – Exemptions, narrowing of access](#).

Adakah exemption sukarelawan ibu bapa juga termasuk datuk nenek, kakak abang dan saudara mara yang lain?

Tidak. Dalam kebanyakan situasi, exemption sukarelawan ibu bapa hanya untuk 'parent' (ibu bapa), mengikut makna dalam *Working with Children (Screening) Act 2004*. Istilah ini termasuk ibu bapa tiri, pasangan hidup ibu bapa, bakal ibu bapa angkat, dan orang yang bertanggungjawab di sisi undang-undang untuk penjagaan serta kebajikan dan pembangunan **kanak-kanak** itu, untuk jangka panjang atau hari demi hari. Jika datuk nenek, adik beradik atau **saudara mara lain** (yang tidak ada tanggungjawab sah) menjadi sukarela dalam [kerja berkenaan kanak-kanak](#), mereka mesti memohon WWC Check.







Apakah yang dapat dilakukan badan-badan supaya perkhidmatannya lebih selamat untuk kanak-kanak?










WWC Check hanya satu strategi untuk menjaga keselamatan kanak-kanak. Banyak yang boleh dilakukan oleh majikan dan badan-badan yang bekerja dengan kanak-kanak, supaya khidmatnya selamat untuk kanak-kanak dan mesra kanak-kanak. Misalnya, mempunyai dasar bahawa sukarelawan ibu bapa mesti dapatkan Volunteer National Police Certificate (Perakuan




Polis Negara untuk Sukarelawan). Untuk penerangan lanjut, layari [Child Safe Organisations Knowledge Hub](#) (Hab Pengetahuan Badan Selamat Kanak-kanak) di Department of Communities.

Kategori-kategori kerja berkenaan kanak-kanak dan exemption sukarelawan ibu bapa

Exemption sukarelawan ibu bapa adalah untuk ibu bapa dalam **kategori** kerja berkenaan kanak-kanak yang tertentu sahaja, dan hanya jika anaknya di bawah umur 18 tahun. Jika menjadi sukarelawan dalam dua kategori, yang diberikan exemption dan yang tidak ada exemption, ibu bapa mesti gunakan kategori yang tidak ada exemption.

Kategori		Exemption ibu bapa
	1. Child care service (khidmat taman jagaan kanak-kanak)	Ibu bapa menjadi sukarelawan di khidmat penjagaan kanak-kanak yang anaknya didaftarkan.
	2. Tadika komuniti	Ibu bapa menjadi sukarelawan di tadika yang anaknya didaftarkan.
	3. Institusi pendidikan untuk kanak-kanak	Ibu bapa menjadi sukarelawan di institusi pendidikan (sekolah) yang anaknya didaftarkan.
	4. Khidmat coaching (bimbingan) atau tuisyen persendirian tidak kira jenisnya	Ibu bapa menjadi sukarelawan dalam aktiviti yang sama, yang diikuti atau biasanya diikuti anaknya.
	5. Aturan tempat tinggal atau penjagaan kanak-kanak	Ibu bapa menjadi sukarelawan dalam aktiviti yang sama, yang diikuti atau biasanya diikuti anaknya.
	6. Aturan penempatan anak atau aturan penjagaan terjamin	Tidak ada exemption ibu bapa.

Kategori	Exemption ibu bapa
	7. Pelaksanaan tugas oleh pegawai (Department of Communities) Tidak ada exemption ibu bapa.
	8. Tempat tahanan Tidak ada exemption ibu bapa.
	9. Community child health service (khidmat kesihatan kanak-kanak komuniti) Ibu bapa menjadi sukarelawan dalam aktiviti yang sama, yang diikuti atau biasanya diikuti anaknya.
	10. Khidmat kaunseling atau khidmat sokongan yang lain Ibu bapa menjadi sukarelawan dalam aktiviti yang sama, yang diikuti atau biasanya diikuti anaknya.
	11. Badan agama Ibu bapa menjadi sukarelawan dalam aktiviti yang sama, yang diikuti atau biasanya diikuti anaknya.
	12. Kelab, persatuan, atau pergerakan Ibu bapa menjadi sukarelawan di kelab, persatuan atau pergerakan yang sama, yang juga disertai atau biasanya disertai anaknya.
	13. Wad di hospital kerajaan atau swasta Ibu bapa menjadi sukarelawan dalam aktiviti yang sama, yang diikuti atau biasanya diikuti anaknya.
	14. Khidmat mengasuh bayi atau menjaga kanak-kanak Ibu bapa menjadi sukarelawan dalam aktiviti yang sama, yang diikuti atau biasanya diikuti anaknya.
	15. Khemah semalaman Tidak ada exemption ibu bapa.

Kategori	Exemption ibu bapa	
	16. Khidmat pengangkutan khas untuk kanak-kanak	Ibu bapa menjadi sukarelawan dalam khidmat pengangkutan yang sama, yang dinaiki atau biasanya dinaiki anaknya sebagai penumpang.
	17. Khidmat menyeberang jalan di sekolah	Ibu bapa menjadi sukarelawan di sekolah yang anaknya didaftarkan.
	18. Khidmat hiburan atau majlis untuk kanak-kanak	Ibu bapa menjadi sukarelawan dalam aktiviti yang sama, yang diikuti atau biasanya diikuti anaknya.

Makna perkataan **huruf tebal** boleh diketahui dalam glosari Working with Children Check di www.workingwithchildren.wa.gov.au